



Source : **Yahoo News (Bernama)**
Date : **31 March 2014**

IHEAL MEDICAL, KERAJAAN TIMOR LESTE METERAI MOU BANGUNKAN SISTEM PENJAGAAN KESIHATAN YANG CANGGIH

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- iHeal Medical Services Sdn Bhd menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan kerajaan Timor Leste untuk membangunkan sistem penjagaan kesihatan yang canggih di negara itu.

Pengarah iHeal Medical Services Dr David Khoo Sin Keat berkata MoU itu bertujuan menyampaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, cekap dan telus kepada rakyat Timor Leste.

iHeal Medical Services mengendalikan Pusat Perubatan iHeal di Lembah Klang. Dr Khoo berkata iHeal Medical Services akan turut mendirikan dan mengendalikan klinik buah pinggang dan jantung di Hospital Guido Valadares di Dili pada tahun ini.

"Kami berasa bangga untuk mewakili negara membangunkan sistem penjagaan kesihatan di Timor-Leste.

"Ia adalah peluang yang jarang berlaku tetapi peluang yang baik untuk berkongsi visi dengan kerajaan Timor-Leste," katanya kepada pemberita selepas menandatangani MoU itu antara Kementerian Kesihatan Timor-Leste dan Pusat Perubatan iHeal di sini hari ini.

Perdana Menteri Timor-Leste Kay Rala Xanana Gusmao dan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said menyaksikan majlis menandatangani MoU itu.

Langkah itu merupakan perkongsian kedua iHeal di luar Malaysia. Tahun lepas, ia menandatangani perjanjian pemindahan pesakit dengan Rumah Sakit Charitas, Palembang, Indonesia bagi perkhidmatan jantung.

iHeal memulakan operasi pada 2010 dan telah melaksanakan lebih 300 prosedur jantung, dan 126 daripadanya adalah pembedahan jantung.

Pengendali perubatan itu turut menerima lebih 20,000 pesakit, kedua-dua pesakit tempatan dan dari Indonesia, Eropah, Amerika Syarikat, China, Jepun, Taiwan, Asia Barat, Afrika, Somalia, Australia dan Timor-Leste.

Gusmao dalam rangka lawatan rasmi selama tiga hari ke Malaysia bermula hari ini.

-- BERNAMA